

EDISI MEI - JUN 2026

E-BULETIN

**MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH
AGENSI-AGENSI KORPORAT**

Ms. 01

Penyerahan Zakat Korporat Maybank

Ms. 01

Imbas QR Code
Pembayaran
Zakat Harta



MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH AGENSI-AGENSI KORPORAT

10 Jun 2026 - Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan oleh Agensi-Ageni Korporat bersama Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam dan turut dihadiri oleh YB. Datuk Rosli Bin Abdullah, Timbalan EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama Negeri Melaka; YB. Datuk Wira Salhah Binti Salleh, Pegawai Kewangan Negeri Melaka; YB. Datuk Khairul Azreem Bin Mamat, Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka; YBhg. Sahibus Samahah Datuk Wira Abdul Halim Bin Tawil, Mufti Kerajaan Negeri Melaka; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Zakat Melaka serta YBrs. Tuan Zohaime Bin Muhamad Sori, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka.

Majlis penyerahan zakat ini disertai oleh enam belas (16) agensi korporat.



PENYERAHAN ZAKAT KORPORAT MAYBANK

15 Mei 2026 - Zakat Melaka telah menerima kunjungan hormat daripada pihak Maybank dalam satu sesi rasmi bersama YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka.

Kunjungan tersebut diketuai oleh Dato' Sri Khairussaleh Ramli, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank.

Dalam sesi tersebut, pihak Maybank telah menyempurnakan penyerahan zakat korporat yang diterima oleh YAB Datuk Seri Utama Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka merangkap Pengerusi Zakat Melaka.



MESYUARAT AHLI LEMBAGA PENGARAH ZAKAT MELAKA

08 Jun 2026 - Zakat Melaka telah mengadakan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang telah dipengerusikan oleh YB Datuk Rahmad bin Mariman; EXCO Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama merangkap Timbalan Pengerusi Zakat Melaka, bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan tadbir urus, perancangan strategik serta pemerkasaan pengurusan zakat di Negeri Melaka.

Mesyuarat ini menjadi platform penting dalam memastikan hala tuju organisasi terus diperkukuh selaras dengan amanah mengurus kutipan dan agihan zakat secara berkesan, telus dan berimpak kepada masyarakat.

Zakat - Bersih Jiwa Suci Harta



KUNJUNGAN HORMAT SAMTECH DEFENCE SOLUTIONS SDN. BHD



19 Mei 2026 - Zakat Melaka telah menerima kunjungan hormat daripada Mej. (B) Mohd Suhaimi bin Sumar, Managing Director / Chief Executive Officer, Samtech Defence Solutions Sdn. Bhd.

KUNJUNGAN HORMAT MAIM HOLDINGS BERHAD KE ZAKAT MELAKA

09 Jun 2026 - Zakat Melaka menerima kunjungan hormat daripada MAIM Holdings Berhad bagi mengadakan perbincangan berkaitan Melaka International Halal Festival 2026 (MIHF'26) yang bakal berlangsung pada 07 hingga 09 Ogos 2026 bertempat di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh.



18 Mei 2026 - Temujanji Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka Encik Zuhri Iskandar bin A.Rahman bersama Encik Ismail Bin Umar, Penyelia Tekun Nasional bagi kempen potongan gaji zakat untuk kakitangan di Negeri Melaka.



21 Mei 2026 - Sektor Media & Penyelidikan
Kunjungan hormat Zakat Melaka ke Pejabat MCMC Negeri Melaka.

16 Jun 2026 - Program Telaah Sempena Karnival Budaya Ilmu Perpustakaan Tun Abdul Razak Universiti Teknologi Mara Cawangan (UiTM) Melaka Kampus Alor Gajah.



Aktiviti Operasi Zakat Melaka

MEI-JUN 2026





Aktiviti Operasi Zakat Melaka

MEI-JUN 2026



Dapat Pengeluaran KWSP?

“Jangan lupa semak kewajipan zakat.”

KREDIT MASUK
RM 45,000.00
Akaun Anda

Pengeluaran Diluluskan
Akaun telah dikreditkan ke akaun anda.

Semak Zakat

Tunaikan zakat, bersihkan harta, berkat berpanjangan.

Tunaikan Kewajipan Patuh Syariah

Bersihkan Harta Raih Keberkatan

Bantu Asnaf Ringankan Beban

Semak di **www.izakat.com**

Mudah • Pantas • Tepat

Imbas QR Code Pembayaran Zakat Harta

Zakat Melaka - Rasmi

zakat.melaka

DAPAT PENGELUARAN KWSP?

Jangan lupa semak kewajipan zakat.

Setiap rezeki yang diterima perlu disemak agar harta yang dimiliki terus bersih, berkat dan memberi manfaat kepada yang memerlukan.

Semak dan tunaikan zakat anda melalui saluran rasmi Zakat Melaka.

Mudah. Pantas. Tepat.

“SAYA MENIAGA KECIL-KECIL JE, PERLU SEMAK ZAKAT PERNIAGAAN KE?”

Ya, perlu semak.

Zakat Perniagaan bukan hanya untuk syarikat besar atau perniagaan yang mempunyai premis sahaja.

Peniaga kecil, usahawan online, ejen, stokis, freelancer dan pemilik bisnes dari rumah juga wajar membuat semakan jika menjalankan aktiviti perniagaan.

Yang menentukan kewajipan bukan semata-mata saiz bisnes, tetapi syarat seperti pemilikan harta perniagaan, nisab dan haul.

Zakat Perniagaan

Bukan Untuk Syarikat Besar Sahaja

Peniaga kecil, usahawan online, freelancer, ejen, stokis dan pemilik kedai juga wajar menyemak Zakat Perniagaan sekiranya menjalankan aktiviti perniagaan dan memenuhi syarat yang ditetapkan.

PENIAGA KECIL

USAHAWAN ONLINE

FREELANCER

EJEN / STOKIS

PEMILIK KEDAI

Zakat Melaka - Rasmi

zakat.melaka

Zakat Wang Simpanan

Zakat Wang Simpanan dikenakan dengan kadar 2.5% daripada baki terendah simpanan yang telah mencukupi nisab dan haul setahun.

Wang simpanan ini meliputi simpanan bank, ASNB/ASB serta dividen, simpanan tetap, simpanan persendirian di rumah atau tabung dan lain-lain bentuk simpanan.

Tarikh Simpan	Tarikh Keluar	Masuk (RM)	Keluar (RM)	Baki (RM)
01/01/20XX		100,000.00		100,000.00
	23/04/20XX	7,000.00 (Dividen)	5,000.00	102,000.00
	30/05/20XX		5,000.00	97,000.00
	10/07/20XX	2,000.00		99,000.00
	12/08/20XX		5,000.00	94,000.00
	11/11/20XX	2,000.00		96,000.00
	31/12/20XX	2,000.00		98,000.00

Imbas Kod QR Pembayaran Zakat Harta

= Baki Terendah (Setahun) x 2.5%
 = RM94,000.00 x 2.5%
 = RM2,350.00 (Jumlah Zakat Wajib Setahun)
 = RM195.83 (Jumlah Zakat Wajib Sebulan)

Zakat Melaka - Rasmi | Zakat Melaka | zakat.melaka

Zakat Wang Simpanan

Tahun / Haul: 20XX
 Amaun Nisab: XXXX

Maklumat KWSP

Jumlah Pengeluaran: RM 50,000.00

Jumlah Zakat KWSP

Jumlah Layak Dizakat: RM 50,000.00
 Jumlah Zakat 2.5% Setahun: RM 1,250.00

Imbas Kod QR Pembayaran Zakat Harta

*Tertakluk kepada akaun simpanan tetap seperti KWSP dan seumpamanya.

Zakat Melaka - Rasmi | Zakat Melaka | zakat.melaka

7 Doa Hari Arafah

Doa-doa yang boleh diamalkan pada 9 Zulhijjah

- Ya Allah, terima amalan baikku dan tingkatan pahala dan rahmat untukku, padamkan dosa-dosaku dan ampunkan aku sepenuhnya. Limpahi rahmat-Mu untukku dan selamatkan aku dari kehinaan pada hari hitungan amal.
- Ya Allah, kurniakanlah padaku kejayaan terbesar, selamat dari api neraka dan tempatkan aku di Syurga Firdaus tanpa hisab.
- Ya Allah, kurniakan aku kematian dalam husnul khatimah, izinkan aku mengucap kalimah syahadah sebelum ajal menjemputku.
- Ya Allah, bimbinglah aku dan keluargaku agar kekal dalam iman, takwa dan berada di jalan yang lurus hingga ke akhir hayat.
- Ya Allah, masukkan aku dan keluargaku dalam golongan yang beriman, yang menerima kitab amal di tangan kanan kami.
- Ya Allah, rezeikikan aku, ibu bapaku, dan anak-anaku kesihatan, keberkatan hidup, dan ketenangan jiwa dalam mencintai-Mu dan Rasul-Mu.
- Ya Allah, izinkan aku dan pasanganku menjadi tetamu-Mu di Tanah Suci untuk menunaikan Haji sebelum kami dipanggil pulang kepada-Mu.

Aamiin Ya Rabbal Alamin

Perbanyakkan doa, istighfar dan amal soleh pada Hari Arafah.

Zakat Melaka - Rasmi | Zakat Melaka | zakat.melaka

Prestasi Kutipan & Agihan Zakat

Januari 2026 hingga April 2026

Prestasi Kutipan Zakat

Jumlah Keseluruhan: RM54,131,190.28

Kategori	Nilai (RM)
Zakat Pendapatan	RM26,979,318.34
Zakat Wang Simpanan	RM10,292,611.56
Zakat Fitrah	RM7,475,371.00
Zakat Perniagaan	RM7,370,558.69
Zakat Emas	RM1,584,714.80
Zakat Saham	RM397,548.07
Zakat Pertanian	RM19,669.82
Zakat Ternakan	RM11,398.00

Perbelanjaan Agihan Zakat Mengikut Kategori Asnaf

Jumlah Keseluruhan: RM52,627,647.00

Kategori	Nilai (RM)
Miskin	RM24,866,643.00
Fisabilillah	RM12,979,243.00
Amil	RM6,445,927.00
Muallaf	RM6,033,919.00
Fakir	RM1,455,741.00
Gharimin	RM538,524.00
Riqab	RM295,700.00
Ibnu Sabil	RM11,950.00

Zakat Melaka - Rasmi | Zakat Melaka | zakat.melaka